



## **KESEDARAN BUDAYA DAN TANGGUNGJAWAB MEDIA DI MALAYSIA: SATU PERBINCANGAN DARI PERSPEKTIF ISLAM**

Oleh:  
Siti Suriani Othman  
Wan Mohd Fazrul Azdi  
Fauziah Hassan  
USIM

### **Abstrak**

Budaya meliputi pelbagai aspek yang berbeza seperti makanan, pakaian, percakapan, pergaulan, cara kehidupan, cara berfikir dan sebagainya. Di Malaysia, dengan adanya kepelbagaian masyarakat yang berbilang kaum dan agama memberi peluang kepada kita untuk mempunyai kepelbagaian budaya. Namun, pengalaman mengenai kesedaran budaya di Malaysia masih lagi kurang diamalkan oleh sebilangan masyarakat kita dan buktinya masih ada lagi sesetengah pihak yang tidak mengetahui malah dengan sengaja tidak menghormati budaya orang lain. Justeru, kertas kerja ini akan mengupas mengenai aspek kesedaran budaya dari sudut sejarah dan memberi pelbagai definisi yang akan menerangkan maksud budaya itu sendiri secara lebih mendalam. Selain itu, kertas kerja ini juga akan membincangkan konsep kesedaran budaya dan keperluan untuk mengamalkannya mengikut perspektif Islam dan bagaimanakah pandangan serta persepsi kesedaran budaya di Malaysia sama ada di kalangan mereka yang beragama Islam dan bukan beragama Islam. Kertas kerja ini juga akan melihat dari aspek penggunaan media sebagai medium untuk memberi kefahaman mengenai kesedaran budaya. Dalam kertas kerja ini juga, para penulis turut sama berkongsi pengalaman bersama mereka yang berlainan budaya dan agama serta telah menilai bagaimanakah tahap penerimaan mereka terhadap budaya kita dan jugas ebaliknya.

## Abstract

Culture covers a wide range of different aspects such as food, clothing, communication, relationship, way of life, way of thinking and etc. In Malaysia, with the diversity of the various ethnic groups and religions give us the opportunity to have cultural diversity. However, the practice of cultural awareness in Malaysia is still low because there are still some people who do not know even purposely disregard for other people's cultures. Hence, this paper will look into the history and definitions of cultural awareness in details by giving explanations from the experts. In addition, this paper also discusses the concept of cultural awareness and the necessity to practice it according to Islamic perspective and how the views and perceptions of cultural consciousness in Malaysia, whether among those who are Muslims and non-Muslims. This paper will also look at the aspect of the media as a medium to provide an understanding and knowledge of cultural awareness to the society. Lastly, in this paper, the authors also share their previous experiences with different ethnics, cultures and religions and has assessed how their level of acceptance of our culture and vice versa.

## Pengenalan

Perkataan 'budaya' berasal daripada perkataan Latin 'cultura' yang mula digunapakai di Eropah dalam abad ke 18 dan 19. Pada awalnya, perkataan budaya ini difahami dengan perkaitan antara perkembangan sendiri seseorang individu yang berlaku melalui pendidikan, tetapi kemudiannya, budaya juga dilihat sebagai pencapaian seseorang individu dan sumbangannya kepada aspirasi negara.

Dalam konteks Malaysia, budaya negara ini boleh dideskripsikan sebagai negara pelbagai bangsa (multicultural) yang dihuni oleh tiga etnik utama iaitu bangsa Melayu, Cina dan India. Menurut *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri. Asas Demografi, Banci 2010*, jumlah penduduk Malaysia ialah 28.3 juta orang yang terdiri daripada 91.8 peratus warganegara dan 8.2 peratus bukan warganegara. Daripada

jumlah ini, 67.4 peratus penduduk terdiri daripada Bumiputera, 24.6 peratus Cina, 7.3 peratus India dan lain-lain 0.7 peratus. Dari segi demografi agama, 62.3 peratus rakyat Malaysia beragama Islam, manakala agama Buddha dianuti oleh 19.8 peratus rakyat, 9.2 peratus Kristian dan 6.3 peratus Hindu<sup>1</sup>.

Daripada tiga etnik utama ini, bangsa Melayu memainkan peranan paling dominan dalam bidang politik. Bahasa ibunda Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar yang juga merupakan bahasa rasmi kebangsaan. Perayaan utama di kalangan bangsa Melayu di Malaysia ialah Hari Raya Aidilfitri, yang berkait rapat dengan perlembagaan Malaysia yang meletakkan bangsa Melayu sebagai automatik beragama Islam. Makanan popular Melayu terdiri daripada nasi lemak, satay, gulai, dan soto.

Di kalangan bangsa Cina pula, yang merupakan bangsa kedua dominan di Malaysia, aktiviti ekonominya lebih terdorong menceburi bidang perniagaan. Empat dialek utama digunakan dalam pengucapan dan yang utama ialah Hokkien dan Kantonis. Majoriti daripada mereka beragama Buddha (83.6 peratus),<sup>2</sup> selain menganut kepercayaan Taoisme dan Konfusianisme. Perayaan terbesar yang diraikan ialah Tahun Baru Cina, yang mana sambutan terbesar di Asia Tenggara boleh dirasai di Malaysia dan Singapura. Antara makanan popular masyarakat Cina ialah bak kut teh, bakkwa, mee goreng kantonis dan chai tow kway.

Bangsa India pula asalnya bermula dengan menjayakan estet-estet, tetapi kini 15.5 peratus daripada bangsa India merupakan pekerja profesional di Malaysia termasuk doktor (28.4 peratus), peguam (26.8 peratus) dan doktor gigi (21 peratus) (Sneddon 2003). Di kalangan bangsa India, mereka boleh dikenali sebagai Tamil, Malayali dan Telugu, tetapi Hindu adalah agama utama yang dianuti oleh 86.2 peratus masyarakat India Malaysia.<sup>3</sup> Perayaan utama yang disambut ialah Deepavali atau Diwali dan Thaipusam. Makanan terkenal di kalangan India ialah pasembur, roti nan, nasi kandar dan nasi lemak versi India.

## Budaya

Justeru, budaya merangkumi perbincangan yang meluas, bukan hanya tentang diri seseorang dan perkembangannya, tetapi juga dirinya dengan masyarakat serta perkembangan dan peningkatan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat itu sendiri. Maka, tidak hairan budaya dapat difahami dalam pelbagai peringkat definisi apabila dibincangkan di tahap yang berbeza-beza. Sebagai contoh, Clifford Geertz (1926-2006), seorang ahli antropologi tersohor mennyenaraikan daripada gurunya, Clyde Kluckhohn (1905-1960), 10 definisi bagi budaya (1973: Hal. 4-5)

1. Bentuk kehidupan manusia secara mutlak (*the total way of life*)
2. Legasi sosial yang diperolehi oleh individu daripada perkumpulannya. (*the social legacy the individual acquires from his group*)
3. Satu cara berfikir, merasai dan mempercayai. (*a way of thinking, feeling and believing*)
4. Satu bahagian daripada tingkah laku. (*an abstraction from behavior*)
5. Satu teori oleh antropologi berkenaan cara bagaimana satu kumpulan manusia bertingkah laku. (*a theory on the part of the anthropologist about the way in which a way a group of people in fact behave*)
6. Satu stor berkenaan pengajaran yang terkumpul. (*a store house of pooled learning*)
7. Satu set orientasi yang standard untuk mengulangi pelbagai masalah. (*a set of standardized orientations to recurrent problems*)
8. Tingkah laku yang terdidik. (*learned behavior*)
9. Satu mekanisme untuk mengawal tingkah laku. (*a mechanism for the normative regulation of behavior*)
10. Satu set teknik-teknik untuk melaraskan antara persekitaran luar dengan manusia lainnya. (*a set of techniques for adjusting both to the external environment and to other men*)

Apa yang dapat diketahui daripada makna budaya yang dinyatakan di sini, ia memberi indikasi bahawa di dalam memahami budaya itu sendiri, wujud perbezaan yang sukar ditangani dengan jelas. Misalnya, bagaimana kita dapat memahami perbezaan cara berfikir di kalangan warga Malaysia yang berbilang kaum? Atau, lebih rumit lagi, bagaimana kita dapat membezakan pola pemikiran antara warga asing dalam sesebuah negara?

Usaha menyedari dan memahami bahawa wujud perbezaan ini adalah apa yang dipanggil sebagai kesedaran budaya. Konsep kesedaran budaya merujuk kepada kesedaran bahawa setiap orang mempunyai latar belakang budaya yang berlainan, justeru perbezaan mungkin wujud dalam setiap tingkah laku seseorang itu. Kesedaran budaya ini menjadi penting bukan hanya di kalangan warga yang mendiami negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, namun, ia turut menjadi cabaran di kalangan komuniti yang berkongsi budaya yang sama kerana sebab perbezaan individu yang wujud. Tidak semua ahli masyarakat yang berkongsi norma memiliki cara pemikiran yang serupa, maka isu kesedaran budaya menjadi penting andainya kesefahaman dan keharmonian adalah matlamat yang ingin dicapai sesebuah komuniti.

Malah, kesedaran budaya boleh berlaku dalam pelbagai bentuk dalam kehidupan seharian termasuklah cara mengucap salam, cara menunjukkan rasa hormat, cara bercakap dengan orang lain, cara berpakaian, cara melihat kepentingan beragama, pemilihan makanan serta sikap di tempat kerja. Misalnya, individu yang mempunyai kesedaran budaya yang lebih tinggi selalunya mempunyai tahap kepekaan yang tinggi untuk mengurangkan salah faham dalam komunikasinya, kedua-dua dalam bentuk verbal dan bukan verbal. Contoh jelas ialah dengan memastikan berlakunya 'eye contact' ketika berkomunikasi dengan seseorang yang dianggap sebagai satu rasa hormat terhadap individu pengucap. Hal ini mungkin kurang disedari kepentingannya di kalangan individu yang tidak peka terhadap kesan tindakannya dalam sesuatu proses komunikasi. Malah, hal ini menjadi satu aspek yang amat penting dalam komunikasi di kalangan orang Barat berbanding beberapa budaya di Timur.

## Kesedaran Budaya dan Darjah Kesedaran Budaya

Dalam di kalangan ahli akademik, darjah kesedaran budaya boleh dibincangkan daripada beberapa tingkat yang berbeza. Perbezaan tingkat perbezaan budaya ini mencerminkan 'jarak' antara seseorang ahli masyarakat itu dengan tahap kesedaran budayanya. Antara empat darjah kesedaran budaya yang dikenalpasti oleh terdiri daripada:

1. My way is the only way (Cara saya adalah yang terbaik)
2. I know their way, but my way is better (Saya tahu cara mereka, tetapi cara saya lebih baik)
3. My way and their way (Cara saya dan cara mereka)
4. Our way (Cara kita)  
(Quappe and Cantatore, n.d.)

Keempat-empat tingkat perbezaan darjah kesedaran budaya ini menjelaskan di peringkat pertama, seseorang individu itu boleh mempunyai perasaan bahawa budaya dia sahaja atau apa yang diamalkan sahaja adalah betul dan wajar diterima oleh seisi masyarakat. Pandangannya hanya tersisi kepada kebaikan dan kelebihan kepada pengamalan budayanya sendiri dan menafikan kebaikan yang dibawa oleh budaya lain. Di tahap kritikal ini, aktiviti yang dilakukan oleh budaya lain juga tidak mendapat tempat dalam budaya yang lain. Secara ringkasnya, tidak wujud langsung aspek cuba mengenali budaya lain, kerana anggapan yang tegar ialah budaya lain salah dan 'hanya budaya saya yang betul'.

Di tahap kedua kesedaran budaya, berlaku sedikit peningkatan terhadap kesedaran dan kefahaman tentang budaya lain selain daripada budaya yang diamalkan sendiri. Budaya lain disedari kewujudannya dan sekurang-kurangnya aktiviti dan pengamalannya diketahui, tetapi mentaliti yang kekal ialah 'budaya dan cara saya lebih baik dari kamu'. Di peringkat ini, berlaku sedikit kesedaran budaya, namun pintu masih tertutup untuk cuba memberi sedikit ruang untuk membenarkan penilaian yang positif terhadap budaya lain.

Di peringkat seterusnya, kesedaran budaya mula berlaku di tahap yang lebih baik. Di sini, budaya asing dikenal pasti kewujudannya serta diiktiraf perlakuannya. Pengiktirafan ini bukan bermaksud pengamalan, tetapi di peringkat ini, sudah berlaku penerimaan terhadap budaya tersebut, yang masing-masing menyedari kewujudan budaya masing-masing dan memahami rasional di sebalik tindakan yang melibatkan penilaian budaya. Namun, di peringkat ini, masih belum berlaku perkongsian pengamalan antara budaya.

Hanya di peringkat keempat apabila budaya dilihat sebagai platform yang dikongsi bersama, barulah wujud ruang yang dipanggil sebagai 'our way'. Di sini, ahli masyarakat sama-sama berkongsi budaya yang berbeza dan berkongsi pengamalan, tetapi didasari dengan kefahaman tentang sesuatu budaya berkenaan. Budaya luar tidak dilihat asing lagi, malah perayaan dikongsi bersama dan amalan yang membawa kebaikan turut menjadi amalan budaya yang lain.

Dalam konteks Malaysia, mungkin boleh dikategorikan tahap kesedaran budaya di negara ini sebagai di tahap kedua (*I know their way, but my way is better*), di mana ahli masyarakatnya masih kurang memahami budaya kaum yang lain. Hal ini dikategorikan sedemikian kerana rakyat Malaysia meraikan jati diri budaya masing-masing melalui keunikan budaya tersendiri, dan sehingga kini, itulah model masyarakat yang dilihat paling sesuai diamalkan di Malaysia kerana walaupun wujud perbezaan budaya antara pelbagai bangsa, tetapi seolah-olah tidak wujud keperluan untuk setiap bangsa berasimilasi antara satu sama lain (Muhammad Bakri Musa 1999).

Justeru, kami akan kongsi pengalaman untuk menyokong pengkategorian ini di perbincangan selanjutnya dalam tulisan ini. Namun, apa yang penting ialah wujud banyak indikasi yang mengisyaratkan wujudnya keperluan untuk setiap warga Malaysia mula mengenali dan menghargai budaya yang berbeza-beza ini jika keharmonian negara ingin dipertahankan.

## Kesedaran Budaya di Malaysia

Tahap kesedaran budaya di Malaysia masih boleh dikategorikan sebagai 'sederhana' kerana wujudnya keadaan 'salad bowl' seperti yang telah dibincangkan tadi dan hal ini sebenarnya turut mendapat perhatian daripada pihak kerajaan. Usaha mengeratkan keharmonian antara budaya dilakukan menerusi aktiviti pendidikan, kesenian dan kebudayaan serta memupuk kesedaran di kalangan ahli masyarakat. Misalnya, dalam Rancangan Malaysia ke-8 (2001-2005), kerajaan telah berusaha menggiatkan program kebudayaan, kesenian dan warisan untuk meningkatkan minat orang ramai terhadap seni dan budaya serta pemuliharaan warisan bangsa. Hal ini direalisasikan menerusi penubuhan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan pada tahun 2004 untuk melestarikan program-program seni dan budaya di peringkat akar umbi. Di samping itu, taman-taman budaya diperkenalkan, antaranya di Melaka, Negeri Sembilan, Perlis dan Kuala Lumpur sebagai platform bagi perjalanan aktiviti yang dirancang. Hal ini adalah contoh satu aspek berkaitan kesedaran budaya yang boleh sentiasa ditingkatkan menerusi aktiviti kesenian, kebudayaan, malah pelancongan.

Namun, aspek kesedaran budaya ini juga boleh dibincangkan secara mengkhusus kepada kesedaran budaya dari aspek agama. Dalam perbincangan ini, tulisan ini dibawa daripada dua perspektif iaitu dari pandangan umat Islam terhadap yang bukan Islam di negara ini, dan dari pandangan ahli masyarakat yang bukan Islam kepada umat Islam. Perbincangan ini dilakarkan sedemikian kerana daripada pemerhatian, dapat dilihat bahawa wujudnya jurang dalam memahami dan menghayati kesedaran budaya di negara ini kerana kegagalan kita untuk memahami kedua-dua perspektif ini dan mula memikirkan betapa kekangan yang wujud berpunca daripada kedua-dua belah pihak; bahawa umat Islam sendiri masih belum cukup memahami budaya lain di negara ini, dan masyarakat bukan Islam juga masih kekurangan pengetahuan dan kefahaman berkaitan ajaran Islam tentang kesedaran budaya. Seterusnya, persoalan ini menjadi penting kerana masyarakat bukan Islam perlu sedikit sebanyak memahami

tentang amalan Islam kerana bukan sahaja penghuni negara ini majoritinya Islam, tetapi juga kerana Islam adalah agama rasmi negara ini. Selain itu, masyarakat Islam pula perlu memahami budaya-budaya lain di negara ini sebagaimana dalam firman Allah:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْتُمْ إِذْ أَنْتُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

*Wahai manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertaqwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuanNya. (Surah al-Hujurat: 13).*

Seharusnya, jika umat Islam sentiasa bersandarkan kepada firman Allah ini iaitu saling berkenal-kenalan, maka mudahlah membentuk Malaysia yang harmoni dan saling menghormati. Jelasnya, hidup dalam masyarakat pelbagai bangsa memerlukan tanggungjawab ini dikongsi bersama, tanpa membeza-bezakan warna kulit dan pegangan agama, sebagaimana Sabda Rasulullah SAW:

*“Wahai manusia! Sesungguhnya tuhan kamu sama, bapa kamu sama (Adam alayhis salam). Ketahuilah! Tiada kelebihan orang Arab ke atas ‘ajam (yang bukan arab), atau ‘ajam ke atas Arab, atau yang berkulit merah ke atas yang berkulit hitam, atau yang berkulit hitam ke atas yang berkulit merah melainkan ketakwaan” (Riwayat Ahmad dan al-Baihaqi, dinilai Hasan oleh al-Albani).*

### **(a) Dari Pandangan Umat Islam Kepada Yang Bukan Islam**

Antara *Sunnatullah* atau fitrah semula jadi yang tidak dapat disangkal dalam kehidupan di dunia ini adalah kepelbagaian

atau pluraliti yang sering berlaku di sekeliling kehidupan. Kepelbagaian dan pluraliti yang berlaku ini merangkumi banyak aspek dalam kehidupan misalnya bahasa, warna kulit, jantina, cara berfikir, undang-undang, adat resam, budaya dan agama. Catatan berkenaan pluraliti dan kepelbagaian ini telah disebutkan dalam beberapa tempat dalam sumber rujukan umat Muhammad sallallahu alayhi wa sallam iaitu Al-Quran Al-Karim dan Al-Sunnah Al-Nabawiyah. Contohnya dalam aspek pluraliti bahasa pertuturan dan komunikasi sebagai perantaraan antara makhluk, firman Allah SWT:

وَمَنْ آيَنِيهِ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْلَفَ السِّنِّكُمْ  
وَالْوَنُكْمِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ

*Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan kepelbagaian lisan mu dan warna kulit mu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui.*  
(Surah Al-Rum 30: Ayat 22)

Dalam hal ini, Imam Fakhr Al-Razi turut menambah bahawa pluraliti bahasa ini bukan saja tertakluk kepada sistem bahasa yang berlainan seperti bahasa Arab, bahasa Parsi atau bahasa Rom, akan tetapi turut merangkumi pluraliti nada suara meskipun kepada orang-orang yang menggunakan satu sistem bahasa yang sama. (Al-Razi, 2001: jil. 12, hal. 226) Malah dalam ayat yang sama juga, Allah SWT menyebutkan pula perbezaan warna kulit selepas daripada kepelbagaian bahasa dan suara.

Kembali semula kepada surah Al-Hujurat 49: ayat 13 seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Allah SWT menggunakan lafaz *al-nas* atau pun 'manusia' dan bukanlah *allazina amanu* atau pun 'orang-orang yang beriman' kerana menegaskan bahawa pluraliti jantina, bangsa dan perkumpulan perlu difahami oleh keseluruhan manusia sama ada yang beragama Islam atau pun bukan Islam untuk menjayakan hikmah

kepada kepelbagaian ini. (Al-Zuhayli, 1418H: Jil. 26, Hal. 259) Almarhum Buya Hamka (2003: Jil. 9, Hal. 6834-6835) dalam hal ini melanjutkan tafsiran kepada ayat ini seperti berikut:

Di dalam ayat ditegaskan bahawasanya terjadi berbagai bangsa, berbagai suku sampai kepada perinciannya yang lebih kecil, bukanlah agar mereka bertambah lama bertambah jauh, melainkan supaya mereka kenal-mengenal. Kenal-mengenal dari mana asal-usul, dari mana pangkal nenek-moyang, dari mana asal keturunan dahulu kala...Kesimpulannya ialah bahawasanya manusia pada hakikatnya adalah dari asal keturunan yang satu. Meskipun telah jauh berpisah, namun di asal-usul adalah satu. Tidaklah ada perbezaan di antara satu dengan yang lain dan tidaklah ada perlu membangkit-bangkitkan perbedaan, melainkan menginsafi adanya persamaan keturunan.

Jelasnya di sini, meskipun perbezaan dan kepelbagaian yang wujud sesama manusia, namun begitu hakikatnya asal-usul semuanya adalah daripada satu keturunan atau punca yang sama. Seluruh perbezaan dan kepelbagaian ini dapat dirangkum dan diwakili sebagai perbezaan budaya.

Dalam pengalaman penulis, masih terdapat sebilangan ahli masyarakat masih menganggap kebudayaan luar (*outside culture*) sebagai *taboo* atau dilarang daripada didekati langsung. Namun, terdapat keadaan yang lebih parah di mana kebudayaan luar ini didakwa tidak perlu diketahui langsung, meskipun secara umum, kerana pelbagai tanggapan yang tidak berasas dan bersifat skeptikal semata-mata. Misalnya: Masih ada yang berpandangan bahawa orang Islam dilarang memakan menggunakan penyepit kayu seperti mana yang menjadi adat kebiasaan masyarakat Cina dan beberapa anggapan yang lain seperti masuk Islam adalah masuk Melayu. (Osman Chuah & Abdul Salam Muhammad Shukri, 2008: 55-67)

Secara tuntas, punca kepada salah faham dalam isu ini adalah berpunca daripada kejahilan. Kejahilan ini bukanlah kejahilan yang baru muncul dalam masyarakat moden, malah telah pun muncul dalam zaman-zaman sebelum ini juga. Oleh itu para hukama Islam telah menyebutkan sejak berzaman bahawa: Manusia itu bermusuhan dengan apa yang tidak diketahuinya atau "*Al-Nās A<sup>c</sup>dā' Ma Jahilū*". (Ali Ibn Abi Talib, 1990: 480) Bukan sahaja di Malaysia dapat dilihat fenomena ini, malah di seluruh dunia amnya dapat dilihat kejahilan merupakan punca kepada permusuhan yang tidak berasas sesama manusia. Kejahilan ini membawa kepada munculnya pelbagai jenis xenofobia, ketakutan dan kebencian kepada sesuatu yang asing secara tidak berasas. Maka muncullah apa yang kita lihat hari ini ketaksuban dan kefanatikan yang diamalkan oleh seseorang Muslim sehingga tidak dapat bertoleransi secara sedar dan wajar dengan budaya-budaya masyarakat lain seperti dalam aspek perayaan, bahasa, amalan agama dan adat resam mereka.

### **(b) Dari Pandangan Yang Bukan Islam Kepada Umat Islam**

Pengalaman salah seorang penulis ketika berada di luar negara memberi pengajaran tentang tahap kesedaran budaya masyarakat bukan Islam terhadap masyarakat Islam di negara ini. Selama empat tahun di United Kingdom (UK), pastinya peluang berkenalan ketika itu begitu menghargai kenalan dari Malaysia kerana faktor kedekatan budaya. Sungguhpun ketika itu juga adalah peluang terbaik untuk mengenali pelbagai bangsa dan budaya lain, pastinya kenalan dari negara sendiri tetap bersifat sentimental kerana perkongsian budaya yang wujud. Di sini juga, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum memperkenalkan diri mereka sebagai 'Malaysian'.

Saya mengambil contoh beberapa insiden yang boleh dikaitkan dengan darjah kesedaran budaya untuk menjelaskan pandangan masyarakat bukan Islam terhadap umat Islam. Insiden-insiden ini kebanyakannya merangkumi aktiviti berkaitan halal haram makanan, amalan solat dan azan. Paling jelas adalah kesedaran budaya tentang halal haram makanan.

Dalam banyak kejadian dengan rakan bukan berbangsa Melayu di UK, saya mendapati rata-rata hanya mengetahui makanan haram bagi umat Islam ialah khinzir, dan selain itu adalah halal. Makanan lain yang turut dikategorikan haram seperti ayam yang tidak disembelih menurut syarak tidak langsung diketahui turut haram. Selain itu, mereka juga tidak menyedari bahawa makanan yang diproses dan mengandungi sebarang DNA khinzir turut dikira haram dalam Islam untuk umat Islam memakannya. Hal ini mungkin berlaku dalam pelbagai bentuk, seperti kentang goreng yang mempunyai perasa atau pewarna yang mengandungi unsur khinzir, sungguhpun nyata kentang berkenaan bukan 'berperisa khinzir'.

Dalam senario yang lebih buruk, xenofobia dalam kalangan masyarakat bukan Islam terhadap Islam ini membawa kepada fahaman Islamofobia. Misalnya dalam masalah Islamofobia di Amerika, sebuah kajian telah mendapati bahawa 60 peratus masyarakat bukan Islam tidak mengetahui langsung tentang Islam dan masyarakat Islam. (Council on American-Islam Relations Research Center, 2006, pp. 2-3) Kejahilan yang mereka hadapi ini telah ditambah pula dengan pelbagai gambaran anti-Islam di media yang akhirnya terus menyemarakkan perasaan Islamofobia di Amerika dan beberapa negara Barat.

Ini adalah contoh yang jelas bahawa tidak wujud kefahaman tentang budaya lain atau tidak wujud kesedaran budaya (dalam aspek ini ialah aspek agama) bagi kebanyakan mereka yang ditemui. Dalam hal ini, mereka bukanlah golongan yang boleh disalahkan seratus peratus, kerana kita sendiri juga perlu bertanya kepada diri sendiri, sejauh mana kita mengenali budaya lain di Malaysia ini. Dalam konteks antara budaya, hal ini boleh dirujuk sebagai keadaan 'salad bowl' (Chua 2007) atau mangkuk salad, di mana, dalam sebuah mangkuk salad, tidak berlaku bercampuran yang jelas antara pelbagai jenis salad, tetapi ia ditempatkan dalam mangkuk yang sama untuk dihidangkan. Keunikan setiap salad yang dihidangkan membawa perisa berbeza-beza yang melazatkan hidangan.

Dalam konteks Malaysia dan kesedaran budaya, teori mangkuk salad ini mungkin dapat menerangkan secara umum keadaan atau tahap kesedaran budaya itu sendiri sebagaimana telah disebut oleh Muhammad Bakri Musa (1999) tadi. Teori yang berasal dari kepelbagaian budaya di Amerika ini, secara tidak langsung menerangkan keadaan kepelbagaian kaum di Malaysia, di mana, pelbagai bangsa tinggal bersama-sama, tetapi tidak berlaku kefahaman yang jelas tentang budaya-budaya lain yang berada di sekitar mereka.

Walau bagaimanapun, teori lain yang bertentangan dengan teori ini dikenali sebagai teori 'melting pot' (Samovar 2009) atau teori tempat melebur. Teori ini mencadangkan bahawa dalam kepelbagaian budaya, boleh wujud keadaan persefahaman yang tinggi antara ahli masyarakat andainya migran yang berhijrah ke sesebuah negara berkenaan dapat memahami, menerima serta mengikut budaya setempat yang sedia ada.

Hal ini pastinya belum lagi berlaku di Malaysia sebagaimana yang telah dibincangkan. Namun, pada masa yang sama, kita juga tidak perlu sampai ke tahap 'menerima' budaya bangsa lain sehingga membawa ke arah kesamarataan agama atau pelanggaran asas-asas agama seperti mana yang telah ditetapkan berasaskan prinsip syarak. Tetapi apa yang penting ialah wujud kefahaman antara perbezaan-perbezaan yang ada, serta berlaku usaha untuk menghormati perbezaan tersebut atau meningkatkan 'tahap' kesedaran budaya sebagaimana yang telah dibincangkan di awal kertas ini.

### **Kempen Kesedaran Melalui Media**

Media merupakan satu entiti yang berpengaruh dan memberi kesan hebat kepada pengguna. Justeru, dalam usaha untuk memahami budaya masyarakat lain, media boleh memainkan peranan penting sebagai salah satu medium untuk memberi kefahaman mengenai budaya orang lain kepada ahli masyarakat. Umum mengetahui bahawa media cetak mahupun elektronik mempunyai kuasa atau pengaruh untuk memberitahu sesuatu dan bertindak sebagai satu saluran maklumat yang lebih berkesan kepada penerimanya.

Kempen kesedaran melalui penggunaan media ini akan menjadi sangat efektif jika menekankan aspek mengenai mesej yang ingin disampaikan. Menurut Randy W. Elder dan rakan-rakan pada 2004, kempen kesedaran melalui media memerlukan penekanan yang khusus kepada sasaran penerima dan mesej yang ingin disampaikan. Selain itu dua aspek yang penting ialah kawalan ke atas penyebaran mesej dan kualiti terhadap mesej dalam kempen tersebut. Justeru, kempen-kempen kesedaran yang ingin dihasilkan perlulah mengambil kira beberapa faktor tersebut bagi memastikan keberkesanan dalam penyebarannya.

Berdasarkan kepada empat darjah perbezaan kesedaran budaya yang telah dibincangkan sebelum ini, peringkat keempat dilihat lebih praktis untuk diamalkan. Ini kerana *Our Way* atau cara kita merupakan cara yang terbaik untuk membentuk nilai persefahaman dalam kalangan masyarakat yang berbeza budaya. Apabila masyarakat mengamalkan peringkat yang keempat ini, maka sekaligus ianya akan membantu setiap ahli masyarakat untuk berkongsi dan mempelajari budaya orang lain akan tetapi perlulah dibatasi dengan hukum kepercayaan agama masing-masing. Objektif utamanya adalah untuk menghilangkan sifat individualistik, prejudis dan konflik yang biasa berlaku dalam kalangan masyarakat kita yang berbilang bangsa dan agama. Hal ini sudah semestinya membawa kepada sifat *ethnocentrism* atau yang membawa maksud bahawa budaya kita adalah lebih baik berbanding budaya orang lain dan sifat ini akan sentiasa berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa di setiap peringkat jika tidak dihilangkan.

Memetik kata-kata Perdana Menteri kita, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dalam akhbar *The Star* (7 Disember 2010) menyatakan bahawa kepelbagaian budaya yang dimiliki oleh pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia bukanlah penghalang untuk kita semua menikmati kehidupan yang harmoni dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Beliau sebaliknya menegaskan bahawa kepelbagaian budaya ini memberi kekuatan dan meningkatkan imej positif rakyat Malaysia.

Kini, semakin banyak program-program kesedaran budaya turut dianjurkan bertujuan untuk memberi kesedaran betapa pentingnya menghargai dan menerima corak budaya orang lain. Seperti contoh kebanyakan program silang budaya yang dijalankan di universiti adalah bertujuan untuk memperkenalkan budaya masyarakat asing dan mempelajarinya. Berdasarkan kepada pengalaman salah seorang penulis, kaedah ini secara tidak langsung dapat memupuk kesedaran di kalangan mahasiswa betapa pentingnya mengetahui bagaimanakah budaya orang lain. Jika kita sudah berada bersama dengan satu kelompok yang asing atau baru pada kita, maka kita akan tahu makanan apa yang boleh dimakan, pakaian apa yang sesuai dipakai dan tingkah laku yang bagaimana yang harus ditonjolkan. Justeru, kempen kesedaran budaya ini dilihat penting dan media dikesan sebagai medium yang berpotensi untuk membantu menterjemahkan kempen ini.

### **Peranan dan Tanggungjawab Media**

Sebagai media, tanggungjawab bukan hanya untuk memberi hiburan, malahan sebagai penyalur maklumat kepada seluruh kelompok audiennya. Bagi memperjuangkan mengenai pentingnya kempen kesedaran budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia melalui media, maka program-program dan iklan mengenainya perlu diperbanyakkan dan ditayangkan dengan lebih kerap.

Cabaran untuk mengubah persepsi, tingkah laku dan mewujudkan sensitiviti terhadap kesedaran budaya bukanlah perkara yang mudah. Namun, kandungan media yang dilihat semakin pelbagai dalam menghasilkan variasi program-programnya seperti iklan, dokumentari, drama dan bual bicara telah menjadikan tugas untuk menyampaikan mesej pemahaman mengenai budaya orang lain menjadi mudah. Seperti contoh, semakin banyak kempen kesedaran budaya yang berdurasi lebih kurang dua minit seperti Pesanan Khidmat Masyarakat (Public Service Announcement) dipaparkan dalam usaha untuk memberi kesedaran betapa pentingnya menghormati budaya orang lain.

Contoh yang jelas ialah ketika musim perayaan di mana iklan yang disiarkan pasti akan menggabungkan semua bangsa di Malaysia. Selain itu, terdapat juga Pesanan Khidmat Masyarakat yang menggambarkan budaya setiap bangsa sama ada dalam aspek pemakanan, pakaian, percakapan dan sebagainya.

PSA atau Pesanan Khidmat Masyarakat ini adalah satu platform untuk menyampaikan mesej ringkas tanpa dikenakan apa-apa bayaran, dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mengubah tanggapan umum masyarakat terhadap sesuatu isu atau perkara. Menurut laman web *The Community Tool Box*, antara kelebihan menggunakan Pesanan Khidmat Masyarakat untuk menyampaikan mesej kesedaran adalah seperti berikut:

- 1) Kaedah ini tidaklah terlalu mahal dan selalunya stesen media akan memberi waktu siaran (air time) secara percuma. Kos yang digunakan hanyalah melibatkan kos produksi sahaja.
- 2) Kebanyakan stesen media akan memberi kebenaran untuk meletakkan nombor telefon atau maklumat penting yang lain jika memerlukan sebarang maklumat lanjut.
- 3) Kaedah ini juga dilihat sangat efektif untuk menggalakkan audien melakukan sesuatu seperti menghubungi talian yang tertentu, membuat perkara yang dibenarkan, dan sebagainya.
- 4) Ia juga dapat meningkatkan tahap kesedaran terhadap sesuatu isu. ([http://ctb.ku.edu/en/tablecontents/sub\\_section\\_main\\_1065.aspx](http://ctb.ku.edu/en/tablecontents/sub_section_main_1065.aspx))

Menurut Shari Cohen, Donna Flanagan dan Hally Mahler (2009), penggunaan media untuk menugubah tingkah laku masyarakat adalah dilihat lebih berkesan. Ini kerana dengan media, semua mesej yang ingin disampaikan boleh disebar dengan meluas. Mereka mengambil contoh jika sesuatu kempen itu hanya disebar melalui pemberian brosur, nota kecil, poster dan sebagainya, jumlah penerima adalah terhad

di samping kos yang perlu ditanggung. Oleh itu, media dilihat lebih berfungsi sebagai platform untuk penyebaran maklumat mengenai sesuatu isu kerana kebolehannya untuk mencapai jumlah penerima yang lebih ramai.

Kajian yang dijalankan oleh sekumpulan penyelidik diketuai oleh Daniela B. Friedman (2009) mengenai bagaimana cara terbaik untuk menyebarkan maklumat mengenai kesihatan telah menunjukkan responden bersetuju bahawa tiga perkara penting yang perlu diambil kira ialah kandungan mesej, saluran komunikasi dan individu yang mahir dalam memberi maklumat mengenai kesihatan bagi memastikan maklumat mengenai kepentingan menjaga kesihatan boleh disampaikan dengan jelas. Hasil dapatan kajian tersebut juga, televisyen dilihat sebagai saluran komunikasi yang berpotensi untuk mempromosi mengenai penjagaan kesihatan terutamanya kepada masyarakat Cina dan Vietnam disebabkan faktor keselesaan dan populariti. Ini jelas menunjukkan bahawa media berkesan dalam menyebarkan maklumat mengenai sesuatu kempen seperti kempen kebersihan, kesihatan, keselamatan dan juga kepada kesedaran budaya.

Selain itu, menurut Mokhtar Muhammad (2009), media baru dilihat sebagai medan untuk membentuk semula bahan maklumat dan disampaikan kepada masyarakat. Media baru ini juga telah membolehkan proses globalisasi berlaku melalui kebolehannya menyebarkan maklumat dengan pantas dan banyak yang menjangkau penerima di seluruh dunia.

Kini, revolusi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, YouTube dan sebagainya boleh juga bertindak sebagai pemberi maklumat dalam usaha untuk memahami budaya orang lain. Seperti contoh, individu boleh bertindak sebagai penyampai atau wartawan segera dalam menyebarkan info atau maklumat mengenai budaya orang lain sekaligus membantu menghilangkan xenofobia dan tanggapan bahawa hanya budaya kita sahaja yang betul dan perlu diterima semua pihak.

Namun, walaupun penerapan budaya melalui media ini dilihat sebagai salah satu mekanisme yang berkesan, pihak bertanggungjawab masih perlu untuk memastikan tahap penerimaan masyarakat terhadap kempen ini. Seperti contoh, sejauh mana kempen kesedaran budaya ini dihayati? Dan sejauh mana ianya memberi kesan kepada perubahan tingkah laku masyarakat?

### **Cadangan dan Kesimpulan**

Untuk mempromosikan kempen kesedaran budaya ini melalui media, aspek etika dalam penyampaian juga perlu diambil kira. Contohnya etika dalam menghasilkan Pesanan Khidmat Masyarakat perlulah bebas daripada menyinggung sensitiviti mana-mana kaum dan agama, bahasa yang disampaikan adalah jelas dan mudah, dialog yang diutarakan juga perlu sopan selain menepati aspek-aspek penyiaran yang lain.

Selain itu, kaedah memujuk dan menghiburkan juga penting. Aplikasi dua kaedah ini dapat membantu dalam menyampaikan mesej dengan lebih jelas, mudah dan dapat difahami. Seperti contoh dengan memasukkan elemen muzik, drama, gambar dan menemubual individu tertentu akan lebih memberi kesan penerimaan yang baik. Aspek yang paling penting ialah akan kebenaran terhadap fakta dalam mesej yang ingin disampaikan. Oleh itu, mesej yang disampaikan dalam setiap kempen kesedaran perlulah berasaskan kebenaran supaya budaya sesebuah masyarakat itu tidak akan dimanipulasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Sokongan dan sambutan daripada semua pihak perlu untuk memastikan kempen kesedaran budaya melalui media ini tercapai dan berhasil. Diharapkan dengan lebih banyak lagi kempen kesedaran yang dijalankan akan membantu untuk memberi kefahaman kepada masyarakat lain mengenai pengamalan budaya kita agar kehidupan yang lebih harmoni dan hubungan baik dapat dikekalkan. Secara ringkasnya, Islam mengajarkan kesedaran budaya dalam kalangan penganutnya berasaskan surah Al-Hujurat 49: ayat 13 dengan

tema *li ta'arafu* atau “saling berkenalan.” Oleh itu, memiliki kesedaran budaya yang baik juga adalah salah satu wahana untuk menjayakan dakwah Islam di Malaysia. (Ab. Aziz Mohd Zin, 2005: Hal. 222 dan Sohirin M. Solihin, 2008: Hal. 250)

Nota Akhir:

<sup>1</sup>, <sup>2</sup> dan <sup>3</sup> adalah statistik daripada *Laporan Taburan Penduduk dan Ciri-ciri. Asas Demografi, Banci 2010*, dan boleh dicapai di [http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com\\_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=ent](http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=1215%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010-updated-2972011&catid=130%3Apopulation-distribution-and-basic-demographic-characteristic-report-population-and-housing-census-malaysia-2010&Itemid=154&lang=ent)

## Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zin. 2005. *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Razi, Fakhr Al-Din. 2001. *Al-Tafsīr Al-Kabīr*. Beirut: Dār Iḥyā' Al-Turāth Al-ʿArabi.
- Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. 1418H. *Al-Tafsīr Al-Munīr Fi Al-ʿAqīdah Wa Al-Sharīʿah Wa Al-Minhāj*. Damsyik: Dar Al-Fikr.
- Ali Ibn Abi Talib. 1990. *Nahj Al-Balaghah*. Semakan: Al-Sharif Al-Radhi dan Muhammad Abduh. Beirut: Muassasah Al-Maʿarif.
- Chua, A., 2007. *Day of Empire: How Hyperpowers Rise to Global Dominance and Why They Fall*.
- Council on American-Islam Relations (CAIR) Research Center. 2006. *American Public Opinion about Islam and Muslims 2006*. New Jersey Avenue: CAIR.
- Daniela B. Friedman, James N. Laditka, Rebecca Hunter, Susan L. Ivey, Bei Wu, Sarah B. Laditka, Winston Tseng, Sara J. Corwin, Rui Liu, Anna E. Mathews. (2009). Getting the Message Out About Cognitive Health: A Cross-Cultural Comparison of Older Adults ' Media Awareness

- and Communication Needs on How to Maintain a Healthy Brain. Vol. 49, No. S1, S50–S60. *The Gerontologist*: Oxford University Press.
- Geertz, Clifford. 1973. *The Interpretation of Cultures: Selected Essays*. New York: Basic Books.
- Hamka. 2003. *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Laman Web : The Community Tool Box [http://ctb.ku.edu/en/tablecontents/sub\\_section\\_main\\_1065.aspx](http://ctb.ku.edu/en/tablecontents/sub_section_main_1065.aspx)
- Media perlu utamakan tanggungjawab sosial – PM. Tarikh : 1 Mac 2010. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0301&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_05.htm#ixzz2PBerHKFD](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0301&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm#ixzz2PBerHKFD)
- Mokhtar Muhammad. 2009. *Weblog: A New Breed of Media*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Muhammad Bakri Musa. 1999. *The Malay dilemma revisited: race dynamics in modern Malaysia*. San Jose: ToExcel.
- Osman Chuah dan Abdul Salam Muhammad Shukri. (2008). *Muslim Converts in Malaysia: The Problem of Cultural Adjustment*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- PM: Malaysia's cultural diversity not a hindrance to unity. Tarikh : 7 Disember 2010. <http://thestar.com.my/news/story.asp?sec=nation&file=/2010/12/7/nation/20101207170448>
- Randy W. Elder, Ruth A. Shults, David A. Sleet, James L. Nichols, Robert S. Thompson dan Warda Rajab. (2004). Effectiveness of Mass Media Campaigns for Reducing Drinking and Driving and Alcohol-Involved Crashes: A Systematic Review. *American Journal of Preventive Medicine*: Elsevier Inc.
- Samovar, L. A. et al., 2009. *Intercultural Communication: A Reader*. South Melbourne, Australia ; Boston, Mass. : Wadsworth Cengage Learning.
- Shari Cohen, Donna Flanagan dan Hally Mahler. 2009. *Behavior Change through Mass Communication*. AIDSCAP: USA
- Sneddon, J., 2003. *The Indonesian Language: Its history and role in modern society*. Sydney: University of South Wales Press Ltd.
- Sohirin M. Solihin. (2008). *Islamic Da'wah: Theory and Practice*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Quappe, S. and Cantatore, G., n.d. What is Cultural Awareness, anyway? How do I build it?. *The Culturocity Group*, <http://www.culturocity.com/articles/whatis-cultural-awareness.htm> [online].